

JAMINAN NEGARA BERSATU

KUALA LUMPUR, Selasa — Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie menegaskan bahawa perpaduan negara hanya akan terjamin jika orang-orang Melayu terus-menerus merasa selamat dan tenteram kerana bangsa itu adalah teras perpaduan negara.

Katanya, ini boleh diwujudkan dengan membawa orang-orang Melayu menyertai pembangunan ekonomi, sosial dan politik negara secara seimbang, adil dan saksama.

Tan Sri Ghazali menyatakan demikian dalam kertaskerjanya bertajuk 'Politik dan Ekonomi Pahang Dari

Sudut Perpaduan" di Seminar Perpaduan Pahang di Universiti Malaya hari ini.

"Oleh itu tindakan perlu diambil bagi membantutkan sebarang usaha yang bertujuan merosakkan perpaduan orang Melayu baik dari dalam maupun dari luar atau dari orang-orang Melayu sendiri atau orang lain," ujarnya.

Beliau menambah, tindakan juga perlu diambil untuk membantutkan usaha, sama ada secara keras seperti yang dilakukan oleh pihak komunis maupun secara halus seperti yang dibuat oleh sosialis dan politik 'berkeduk' agama dengan menggugat kedudukan Raja-raja Melayu dan kedudukan

Islam di negara ini.

Tan Sri Ghazali berkata, berteraskan Rukunegara dan berpandukan dua matlamat utama Dasar Ekonomi Baru (DEB), beberapa langkah tertentu dari segi ekonomi telah dan sedang diambil dan sedang giat dilaksanakan bagi menghayatkan aspirasi ini yang bertujuan mewujudkan perpaduan negara.

Katanya, dalam sistem perdagangan bebas di negara ini, faktor keusahawanan, modal dan penyertaan ekuiti dan pengurusan amat perlu disusun semula jika DEB mahu dihayatkan.

Beliau menegaskan, faktor-faktor tersebut

mesti dijayakan dan berjaya serentak sebagai jaminan supaya sistem-sistem lain — sosialisme, komunisme atau monopolistik kapitalisme — tidak muncul atau dijadikan alat untuk merosakkan sistem perdagangan bebas yang dipilih oleh kerajaan.

Sistem tersebut mustahil dapat dijayakan sekiranya pengusaha-pengusaha hanya terdiri dari satu kaum sahaja atau orang-orang Melayu dan kaum-kaum Bumiputera lain tidak terlibat dari segi keusahawanan, penyertaan ekuiti dan pengurusan.

Dirosakkan

Mengenai perpaduan orang Melayu pula, Tan Sri Ghazali berkata, ia hanya boleh dirosakkan dari dua sudut, iaitu tumbangannya kedudukan Raja-raja Melayu dan jatuhnya kedudukan Islam.

Katanya, musuh menyedari hakikat bahawa jika mereka mahu menakluki negara ini, haruslah dirosakkan perpaduan orang-orang Melayu dengan jalan merosakkan kedua-dua faktor itu.

"Tetapi perjuangan U M N O yang menguburkan Malayan Union telah memelihara dan mengekalkan kedudukan Raja-raja dan agama Islam sebagai jaminan kedudukan istimewa orang-orang Melayu," tegasnya.

Tan Sri Ghazali menekankan bahawa kerajaan yang didukung oleh UMNO tidak berganjak dari matlamatnya menjadikan soal perpaduan sebagai matlamat negara, dan UMNO tidak akan berganjak dari memperjuangkan untung nasib orang-orang Melayu dengan mengekalkan kedudukan Raja-raja dan kedudukan agama Islam di negara ini. — Bernama

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia